

Siri jelajah pameran pendidikan UMS bermula

DE 23.02.2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan siri pameran pendidikan di seluruh Sabah sehingga awal April depan.

Program yang dikenali sebagai Roadshow UMS itu terbahagi kepada tiga zon yang dijalankan serentak dan secara berperingkat-peringkat.

Menurut satu kenyataan, program anjuran Bahagian Perhubungan Korporat dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS itu akan dimulakan dari jam 8.30 pagi sehingga jam 4 petang di sekolah-sekolah terpilih di setiap daerah.

Pada Rabu, pameran diadakan di SMK Pengiran Omar, Sipitang, disusuli dengan SMK Teknik Keningau (28 Feb), SMK Tenom (29 Feb), SJK Ching Hwa Tawau (28-29 Feb) dan SMK Agama Tun Sakaran Semporna (29 Feb).

Siri Jelajah itu akan berkunjung ke SM Sains Lahad Datu (2 Mac), SMK Sandakan (5-6 Mac), SMK Mat Salleh Ranau (6 Mac), SMK Bukit Garam Kinabatangan (7 Mac), SMK Telupid dan SMK Badin Tuaran pada 8 Mac dan SMK Labuan (8-9 Mac).

Program diteruskan di SMK Arshad Kota

Belud pada 20 Mac, SMK Kota Marudu (21 Mac) dan SMK Kudat (22 Mac). Kemuncaknya bakal diadakan di Kompleks Suria Sabah selama dua hari bermula 31 Mac.

Terdahulu, UMS telah berkunjung ke daerah Papar dan Beaufort sebagai destinasi pertamanya pada tahun ini.

Pameran yang lebih memfokuskan kepada golongan pelajar ini antara lain bertujuan sebagai Pusat Sehenti (One Stop Centre) bermaklumat bagi memberi informasi mengenai peluang pendidikan tinggi dan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan di UMS.

Selain itu, ia juga bagi mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui aplikasi dalam talian.

Program tersebut turut disertai oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Sekolah-Sekolah Pengajian yang terdapat di UMS.

Orang ramai khususnya pelajar dan ibu bapa dijemput hadir.